

**Hudud: Kukuhkan dahulu Islam agama Persekutuan
Utusan Online
October 03, 2011**

IPOH 2 Okt. – Kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan perlu diperkukuhkan terlebih dahulu sebelum mana-mana pihak mahu melaksanakan hukum hudud di negara ini.

Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria berkata, ia dapat dilakukan di peringkat Kerajaan Pusat dengan memperkasakan Perlembagaan sebagai institusi perundangan tertinggi negara.

Beliau berkata, senario semasa menunjukkan banyak isu melibatkan kepentingan Islam tidak dapat ditangani walaupun Perlembagaan jelas meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara kerana Islam hanya dilaksanakan di peringkat negeri pada masa ini.

“Dalam Perlembagaan, agama lain tidak boleh disebar kepada orang Islam tetapi apa tindakan Kerajaan Persekutuan dan polis. Apabila tidak ada undang-undang yang kukuh, inilah yang berlaku, orang tidak hormat Islam.

“Begitu juga dalam perbicaraan melibatkan konflik antara Islam dan agama lain. Islam mesti diutamakan tetapi kenapa agama lain diutamakan? Sebab pentadbiran Persekutuan tidak laksana,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Harussani juga menegaskan bahawa mata pelajaran Pengajian Islam perlu diwajibkan kepada semua pelajar di sekolah sebagai antara usaha memperkukuhkan kedudukan Islam di negara ini.

Di samping itu, beliau menggesa supaya perkara-perkara utama lain dalam Perlembagaan seperti kedudukan hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera, raja-raja Melayu dan bahasa Melayu mesti diperkukuhkan.

“Sekarang, kebanyakan surat perjanjian ditulis dalam bahasa Inggeris, malah peguam juga menggunakan bahasa Inggeris dalam mahkamah seolah-olah Malaysia ini negara orang putih.

“Bahasa Melayu sudah tidak ada nilai di negara ini sedangkan bahasa Melayu dulu diguna pakai di seluruh Kepulauan Melayu dan Asia. Kita sendiri yang merendahkan bahasa,” katanya.

Dalam pada itu, Harussani melahirkan rasa kecewa beliau terhadap sikap dingin yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia semasa menyambut Hari Kemerdekaan baru-baru ini.

“Semua orang patut wajib menyambut Hari Kemerdekaan sebagai sebuah parti dan mereka yang tidak mengambil bahagian adalah tidak patriotik. Yang mengecewakan, yang menyambut 99 peratus adalah Melayu, seolah-olah merdeka ini milik kerajaan,” ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1003&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm